

# JAKMAS Kolej Kediaman Luar UMS jayakan sesi dialog bersama TNC HEPA

MB 27.02.2015

**KOTA KINABALU:** JAKMAS Kediaman Ecopark, Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menjayakan sesi Dialog Bersama Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Raman Noordin.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS berjaya menghimpunkan lebih dari 100 orang pemimpin badan pelajar UMS yang terdiri daripada JAKMAS, Persatuan Mahasiswa dan Kelab Fakulti serta

Kelab HEP terlibat secara aktif di dalam sesi dialog berkenaan.

Di dalam sesi yang berlangsung selama lebih kurang tiga jam itu, selain daripada sesi dialog bersama TNC HEPA, turut diselitkan sesi taklimat Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar masing-masing oleh Kamisah Husin dan Alna Tugon @ Togon di samping sesi taklimat Pilihan Raya Kampus (PRK) yang disampaikan oleh Muhammad Jumrat Minsun.

Program ini dijalankan sebagai suatu usaha berterusan Jabatan Hal Ehwal pelajar di dalam mendekati mahasiswa UMS seterusnya menyampaikan segala maklumat yang berkaitan dengan keperluan aktiviti dan kebajikan pelajar dari masa ke semasa.

Pengetua Kolej Kediaman Luar UMS Wijaya Kamal Ramlan turut sama hadir bagi memeriahkan program itu di samping Pengetua Kolej Kediaman lain, Timbalan Dekan HEP Fakulti serta pegawai-pegawai HEPA.